

NUZUL QURAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَ أُوصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Nuzul Quran merupakan peristiwa bersejarah kerana turunnya wahyu pertama, kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ketika sedang bersendirian, bermunajat kepada Allah di Gua Hira. Penurunan wahyu ini, suatu pengiktirafan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai rasul. Al-Quran merupakan mukjizat terbesar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

Wasallam yang kekal hingga hari Kiamat. Kehebatan bahasanya, keindahan ayatnya dan keunggulan isi kandungannya menjadikan al-Quran tidak mampu dicipta walaupun satu ayat seumpamanya, ini membuktikan bahawa al-Quran bukan ciptaan Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* yang dikenali sebagai seorang ummi, iaitu tidak tahu membaca dan menulis.

Mukjizat al-Quran akan lebih terserlah kehebatannya, apabila umat Islam sering membaca dan menjadikannya sebagai rujukan utama dalam kehidupan seharian. Mereka yang menjadikan al-Quran sebagai bacaan utama setiap masa, pasti akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah *Subhanahu wa-Taala* sebagaimana sabda Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi:

مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا لَا أَقُولُ الْمَ حَرْفٌ وَلَكِنْ أَلِفٌ حَرْفٌ وَلامٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ

Yang bermaksud: “Sesiapa yang membaca satu huruf dari al-Quran, maka baginya diberi sepuluh pahala dan ditambah sepuluh lagi kebajikan seumpamanya, tidak aku katakan (alif, lam, mim) itu satu huruf, akan tetapi alif satu huruf dan lam satu huruf dan mim satu huruf.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*,

Melalui al-Quran Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* berjaya membentuk para Sahabat menjadi generasi al-Quran yang unggul. Generasi ini berjaya membebaskan manusia daripada perhambaan sesama makhluk, kepada pengabdian diri sepenuhnya kepada Allah *Subhanahu wa-Taala* dan berjaya mengeluarkan segala bentuk penindasan undang-undang ciptaan manusia kepada keadilan undang-undang Allah *Subhanahu wa-Taala*. Semua ini

disebabkan mereka benar-benar menghayati ajaran al-Quran.

Malangnya, terdapat segelintir umat Islam hari ini mengambil al-Quran mengikut kepentingan dan hawa nafsu mereka. Golongan seperti ini mengundang azab Allah sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 85 :

أَفْتُوْمُنُونَ بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضِ ۚ فَمَا جَزَاءُ مَن يَفْعَلُ

ذَٰلِكَ مِنكُمْ إِلَّا خِزْيٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۖ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰ

أَشَدِّ الْعَذَابِ ۗ وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٨٥﴾

Yang bermaksud: *Patutkah kamu hanya percaya kepada sebahagian (dari isi) Kitab Taurat dan mengingkari akan sebahagian yang lain? Maka tiadalah balasan bagi orang yang berbuat demikian itu dari antara kamu, selain dari kehinaan ketika hidup di dunia dan pada hari kiamat akan ditolak mereka ke dalam azab seksa yang amat berat.*

Hari ini kita diperkenalkan dengan pelbagai teknik pembacaan dan hafazan al-Quran. Oleh itu, Ibubapa boleh memilih teknik pengajian yang menarik minat anak-anak mereka selagi mana ia bertepatan dengan kaedah pembelajaran al-Quran.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*,

Marilah kita menjadikan al-Quran sebagai pedoman dan panduan hidup. Suburkanlah al-Quran di dalam hati kita dengan sentiasa membaca, memahami serta berusaha menghafalnya pada setiap masa. Jadikan ia sebagai amalan harian walau di mana kita berada. Ibu bapa juga perlu merancang program kelas-kelas

al-Qur'an kepada anak-anak secara bersungguh-sungguh. Jadikan amalan harian dengan membaca al-Quran dalam keluarga kita. Jika kita sebagai majikan atau ketua di tempat kerja, hidupkan amalan pembacaan al-Quran di tempat kerja. Semoga kita mendapat ganjaran sepertimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

اقْرءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ

Yang bermaksud: "Bacalah al-Quran, sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat sebagai syafaat kepada pembacanya."

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَنَزَّلَ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

Yang bermaksud: Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang yang beriman kepadanya dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang yang zalim (disebabkan keingaran mereka) melainkan kerugian jua.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.